



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA UCAP SELAMAT PULANG KEPADA FU WA DAN FENG YI

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, telah hadir bagi mengucapkan selamat pulang kepada pasangan *Giant Panda* iaitu Fu Wa dan Feng Yi pada 18 Mei 2025 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Pasangan *Giant Panda* tersebut dihantar pulang ke Republik Rakyat China (RRC) setelah berada di Malaysia sejak 21 Mei 2014 bagi memenuhi terma perjanjian di bawah Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi *Giant Panda*. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, serta wakil Duta RRC ke Malaysia.

Malaysia telah memeterai perjanjian Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi *Giant Panda* bersama *China Wildlife Conservation Association* (CWCA), RRC pada 15 Jun 2012 yang melibatkan kerjasama antarabangsa *Giant Pandas* Fu Wa dan Feng Yi. Sehingga kini, 20 negara di dunia telah dipinjamkan *Giant Panda* oleh RRC.

Malaysia telah menunjukkan pencapaian luar biasa dalam konservasi ex-situ *Giant Panda* dengan kelahiran 3 ekor anak *Giant Panda*. Ketiga-tiga anak *Giant Panda* daripada pasangan tersebut iaitu Nuan Nuan telah dihantar pulang ke RRC pada 14 November 2017 manakala Yi Yi dan Sheng Yi pada 29 Ogos 2023 sebagai mematuhi terma perjanjian. Kerjasama ini turut meningkatkan pembangunan kapasiti negara dalam bidang penyelidikan dan pengurusan spesies hidupan liar terancam.

Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi *Giant Panda* dengan RRC diteruskan melalui pemeteraian perjanjian baharu pada 16 April 2025 bersempena dengan Lawatan Negara Presiden RRC ke Malaysia. Pemeteraian perjanjian baharu ini membolehkan Malaysia menerima sepasang Panda Gergasi baharu untuk tempoh 10 tahun dari 2025 hingga 2035. Malaysia dijadual menerima kehadiran sepasang *Giant Panda* baharu pada 2025.

YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penghantaran pulang Fu Wa dan Feng Yi termasuk Kementerian Luar Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), MASkargo dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Projek kerjasama ini merupakan simbol persahabatan erat antara Malaysia dan RRC yang menyokong aspek kemampanan di bawah tonggak Malaysia MADANI. Justeru, Malaysia akan terus komited bekerjasama dengan RRC dalam pemuliharaan spesies *Giant Panda* dan kerjasama ini diharap dapat mengukuhkan lagi hubungan Malaysia dan RRC dalam aspek diplomatik dan ekonomi.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
18 MEI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia